

KOTA BAHARU, 28 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEKALI LAGI MENINGATI PARA ANGGOTA UMNO DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL SUPAYA SENTIASA BERWASPADA TERHADAP DAKYAH-DAKYAH PARTI PEMBANGKANG YANG MENCUBA MEMIKAT HATI RAKYAT DENGAN JANJI-JANJI YANG MERUGIKAN RAKYAT.

KATANYA, PARTI PEMBANGKANG BERKENAAN TIDAK MAMPU UNTUK MELAKSANAKAN SESETENGAH IDEA MEREKA KERANA HASRAT SEPERTI ITU TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN DALAM SEBUAH MASYARAKAT MAJMUK SEPERTI DI MALAYSIA TANPA MEMBANGKITKAN PERASAAN PERKAUMAN.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA TINDAK-TANDUK MEREKA ITU DAPAT MENIMBULKAN HURU-HARA DI KALANGAN RAKYAT BERBILANG AGAMA DAN KETURUNAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM PERUTUSAN SEMPENA PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERTAMA UMNO BAHAGIAN KOK LANAS, DI DEWAN MAJLIS DAERAH, KETEREH DEKAT SINI PETANG ESOK.

BELIAU BERHARAP PARA ANGGOTA UMNO DI SELURUH NEGARA KHUSUSNYA DI KELANTAN SUPAYA BERSATU-PADU DAN BEKERJA KUAT, AGAR KEMUDAHAN DAN KEMAJUAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN BN KEPADA RAKYAT TERUS TERLAKSANA.

KATANYA, UMNO TELAH PUN MENERAJU PEMERINTAHAN NEGARA SELAMA 31 TAHUN, SEJAK NEGARA DIKENALI MALAYA HINGGA SEKARANG, DAN KEJAYAAN ITU MERUPAKAN SATU REKOD YANG CEMERLANG BAGI SEBUAH PARTI PEMERINTAH DALAM SEBUAH NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI BERPARLIMEN. -- BERNAMA.

1403MST 28 06 86